

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1998/99

Ogos/September 1998

YKA 101 - Pengantar Komunikasi Manusia

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan LIMA soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Terangkan dengan contoh lima daripada konsep di bawah di dalam konteks komunikasi interpersonal atau kumpulan.
 - a. Kesedaran diri (self awareness) dan pendedahan diri (self disclosure)
 - b. Komunikasi sentuhan (haptics) dan komunikasi ruang (proxemics)
 - c. Pemikiran kelompok (groupthink)
 - d. Percambahan fikiran (brainstorming)
 - e. Pengukuhan dan penafian (confirmation and disconfirmation)
 - f. Pencerapan berempati dan pencerapan objektif
 - g. Sikap, kepercayaan dan tingkahlaku

(100 markah)

2. Bincangkan tujuh prinsip utama komunikasi manusia dengan menyatakan contoh-contoh khusus. Huraikan masalah yang mungkin timbul sekiranya prinsip-prinsip tersebut dilanggar atau diketepikan.

(100 markah)

...2/-

3. Menurut De Vito (1997) gangguan seksual ialah suatu bentuk komunikasi yang merendahkan atau mengeksploitasi sesuatu gender. Apakah yang dimaksudkan oleh De Vito? Bincangkan dengan merujuk konteks organisasi yang sering menjadi latar komunikasi berunsur seksual yang tidak diundang ini. Berikan saranan-saranan bagaimana masalah dan tingkahlaku komunikasi sedemikian dapat ditangani.

(100 markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan konflik interpersonal? Huraikan strategi-strategi pengurusan konflik interpersonal yang produktif dan yang tidak produktif.

(100 markah)

5. Dengan merujuk kepada komunikasi persahabatan atau percintaan, bincangkan tahap-tahap di dalam perhubungan interpersonal. Apakah sifat dan ciri-ciri perhubungan tersebut? Bincangkan bagaimana prinsip umum komunikasi yang berkesan boleh diadaptasikan di dalam memupuk dan menambahkan perhubungan di dalam konteks yang anda pilih tadi.

(100 markah)

-oooOooo-